



NEGERI JOHOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA  
*GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM 2011**

---

---

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**(Akta 171)**

**UNDANG - UNDANG KECIL PASAR AWAM DAN PERSENDIRIAN  
(MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM) 2011**

**J.P.U. ....**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis daerah simpang renggam membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

**Nama, pemakaian dan tarikh berkuat kuasa**

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pasar Awam dan Persendirian (Majlis Daerah Simpang Renggam) 2011** dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis daerah simpang renggam

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

### **Dasar-dasar, pekeliling dan lain-lain**

(3) Dasar-dasar, Pekeliling Kerajaan atau arahan-arahan bertulis daripada Yang Dipertua atau pelbagai Kementerian atau Jabatan atau Agensi Kerajaan lain yang mana difikirkan patut dan sesuai dan dipersetujui oleh Yang Dipertua hendaklah diterima pakai bersama-sama Undang-undang Kecil ini dari semasa ke semasa.

### **Tafsiran**

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain

“gerai” termasuklah sesuatu petak gerai berkunci, meja, bangku panjang, bakul, kerusi, petak peraga dinding, kenderaan atau apa-apa perkakas lain sama ada mudah alih atau tidak mudah alih dan samada beroda atau tidak beroda yang diatasnya atau didalamnya makanan, minuman atau barang-barang dijual atau didedahkan untuk dijual dimana-mana pasar awam atau pasar persendirian;

“jualan borong” ertinya mana-mana jualan melebihi kadar 10 kilogram bagi sekali jualan;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Simpang Renggam;

“pasar” ertinya mana-mana tempat awam yang biasanya digunakan bagi menjual binatang atau daging, ikan, buah-buahan, sayur-sayuran atau barang-barang makanan lain untuk dimakan oleh manusia yang mudah busuk dan bagi menjual pakaian atau barang dagangan lain dan termasuklah semua tanah dan premis-premis yang digunakan berkaitan, dan bersangkutan dengannya;

“pasar awam” ertinya sesebuah pasar yang dimiliki, dipajak atau disenggarakan oleh Majlis Daerah Simpang Renggam;

“pasar lelong” ertinya pasar di mana penjualan lelong dijalankan;

“pasar persendirian” ertinya sesuatu pasar selain sebuah pasar awam dan termasuklah pasar mini, pasar raya, pasar hiper dan lain-lain pasar yang seumpamanya;

“pemegang gerai” ertinya seseorang yang dilesenkan oleh Yang Dipertua untuk menjual di dalam kawasan pasar awam; dan di dalam sebuah pasar persendirian, seseorang yang dibenarkan oleh pemegang lesen pasar tersebut untuk menjual di dalam kawasan pasar itu dan dalam kedua-dua pasar tersebut termasuklah orang yang menjaga gerai itu;

“petak” ertinya mana-mana ruang yang ditetapkan di dalam sebuah pasar awam atau pasar persendirian dan digunakan bagi penjualan apa-apa barang yang diluluskan oleh Yang Dipertua;

“tempat jualan” ertinya mana-mana ruang yang diperuntukkan dalam kawasan pasar dan digunakan untuk menjual barang-barang yang diluluskan oleh Yang Dipertua;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah Simpang Renggam dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

### **Pelesenan pasar persendirian**

3. Tiada sesiapa pun boleh menubuh, mengurus atau menjalankan sesebuah pasar persendirian di mana-mana tempat, pegangan atau bangunan tanpa sesuatu lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah undang-undang kecil ini.

### **Permohonan untuk mendapatkan lesen**

4. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibuat kepada Yang Dipertua mengikut apa-apa bentuk dan cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(2) Apabila permohonan itu diluluskan, Yang Dipertua hendaklah mengeluarkan lesen tertakluk kepada-

- (a) apa-apa syarat dan sekatan yang dinyatakan di dalamnya;
- (b) Bayaran fee untuk lesen yang ditetapkan dalam Jadual I; dan
- (c) Bayaran suatu deposit apa-apa jumlah wang yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(3) Yang Dipertua boleh mengeluarkan lesen bagi apa-apa tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun dan boleh diperbaharui, tertakluk kepada pembayaran fee sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual I dan bagi maksud undang-undang kecil ini sebahagian bulan hendaklah disifatkan sebagai satu bulan.

(4) Jika mana-mana tempoh suatu lesen adalah kurang daripada satu tahun, fee yang kena dibayar bagi lesen itu hendaklah dihitung atas asas bulan ke bulan berdasarkan kepada kadar yang dinyatakan dalam Jadual II dan bagi maksud undang-undang kecil ini, sebahagian bulan hendaklah disifatkan sebagai satu bulan.

### **Kehendak-kehendak dalam bangunan yang dilesenkan untuk pasar persendirian.**

5. (1) Dinding-dinding pasar persendirian hendaklah dikemas siapkan dengan permukaan yang licin yang boleh dibersihkan dengan mudah dan cepat tanpa tonjolan-tonjolan, unjuran, ceruk, sudut atau lekok-lekok yang berkemungkinan boleh mengumpul habuk.

(2) Lantai-lantai hendaklah diperbuat dari bahan yang kukuh dan kalis air, yang dikemas siapkan dengan licin dan bercerun supaya semua cecair dengan mudah dapat mengalir ke dalam longkang-longkang.

(3) Longkang-longkang hendaklah dibina dari bata yang berlapis dengan simen yang baik dengan bahagian bawah separuh bulat atau paip-paip separuh tembikar bergerlis dan hendaklah bergaris pusat tidak kurang dari 15.25 sentimeter dan hendaklah cukup bilangan dan cerunnya supaya segala air dan lain-lain cecair dapat mengalir. Longkang-longkang sedemikian itu kecuali yang melintasi kaki lima hendaklah ditutup hanya dengan papan atau lain-lain bahan yang boleh dialih dan tidak boleh ditutup oleh lekapan-lekapan atau perabut berat. Tiada longkang-longkang atau paip-paip untuk mengalirkan air hujan atau air basuhan atau najis atau benda-benda kumbahan selain daripada paip-paip kotoran yang dibina dengan sempurna boleh diletak melintasi premis itu.

(4) Lantai-lantai di tingkat-tingkat atas hendaklah dibina dengan sempurna daripada simen konkrit atau daripada papan berlidah yang rapat dan beralur atau dalam kaedah lain bersambung supaya tidak telap air.

#### **Larangan melelong tanpa lesen**

6. Penjualan lelong untuk ikan, sayur-sayuran, buah-buahan, daging dan sebagainya tidak boleh dijalankan di dalam atau di sekeliling pasar awam kecuali di pasar lelong yang diluluskan atau dilesenkan oleh Yang Dipertua.

#### **Kehendak-kehendak bagi jualan daging dan ikan**

7. (1) Dalam mana-mana pasar persendirian di mana daging atau ikan dipotong, disiang, dicincang, disimpan, dipamer atau didedahkan untuk jualan, maka dinding-dindingnya hendaklah dibina setinggi 1.85 meter dari lantai dan permukaannya hendaklah ditampal dengan genting gerlis yang putih, bata bergerlis atau lain-lain bahan yang kalis air yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

(2) Semua meja, kaunter, bangku atau almari pameran yang digunakan untuk mempamerkan daging atau ikan untuk dijual hendaklah ditutup dengan marmar, genting gerlis yang putih atau kaca dan hendaklah dibasuh dengan sabun dan air sekurang-kurangnya sekali sehari.

(3) Semua meja, kaunter, bangku atau almari pameran yang digunakan untuk mempamerkan buah-buahan atau sayur-sayuran untuk dijual hendaklah dibasuh dengan sabun dan air sekurang-kurangnya sekali sehari.

(4) Cangkuk-cangkuk untuk menggantung apa-apa daging atau ikan yang dipamerkan untuk jualan hendaklah diganjakkan ke belakang sekurang-kurangnya 1.05 meter dari beranda atau lorong kaki lima dan hendaklah dibuat dari bahan tahan karat dan hendaklah ditukar apabila diarahkan oleh Yang Dipertua.

(5) Buah-buahan dan sayur-sayuran segar tidak boleh dipamerkan untuk jualan dikaunter atau bangku yang sama untuk daging atau ikan segar.

(6) Peti sejuk, peti dingin, tong ais atau penyejuk dari sesuatu bentuk yang dipasang jika dikehendaki berbuat demikian oleh Yang Dipertua.

(7) Menyembelih, melapah atau menyang ayam itik tidak boleh dijalankan dalam mana-mana pasar. Ayam, itik atau apa-apa binatang hidup lain tidak boleh dibawa masuk ke dalam pasar.

(8) Satu kawasan khas di dalam petak gerai ikan hendaklah disediakan untuk kerja-kerja pembersihan dan tempat membuang sampah.

(9) Semua meja atau kawasan bagi penjualan ikan hendaklah dibina mengikut kecerunan seperti yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

(10) Lantai sesuatu pasar persendirian hendaklah sentiasa bersih dan kering kecuali apabila dicuci serta dibina salur air bagi pengaliran air kotor dan penyediaan tempat pelepasan air.

(11) Tiada api boleh dinyalakan atau memasak atau merebus dibuat dalam mana-mana pasar, kecuali di tempat atau di tempat-tempat yang telah ditentukan oleh Yang Dipertua tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan olehnya.

(12) Bahagian penjualan daging dan ikan hendaklah diasingkan untuk mengelakkan jangkitan.

(13) Satu kawasan pemotongan daging dan tulang hendaklah diasingkan dari jualan barangan dagangan yang lain.

(14) Penjualan daging babi, hendaklah ditempatkan di suatu tempat khas yang disediakan laluan khas atau di asingkan dengan binaan dinding yang tinggi sebagaimana yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

(15) Menyediakan apa-apa kemudahan bagi golongan kurang upaya di dalam atau sekitar pasar itu di mana bersesuaian.

#### **Bekalan air**

8. Bekalan air yang bersih hendaklah sentiasa ada di pasar-pasar itu yang boleh diperolehi daripada bekalan air awam.

#### **Kehendak-kehendak kebersihan**

9. Seseorang pemegang lesen sesuatu pasar persendirian atau pemegang lesen sesuatu gerai atau petak, hendaklah mematuhi kehendak-kehendak berikut-

(1) Ia hendaklah menyebabkan semua sampah-sarap dipungut dan ditempatkan didalam bekas-bekas yang bertutup yang disediakan untuk tujuan itu, dan hendaklah menyebabkan bekas-bekas itu dikosongkan dan dibersihkan seberapa kerap yang perlu untuk menjaga premis itu supaya bersih dan segar sepanjang masa tetapi hendaklah tidak kurang daripada sekali dalam sehari.

(2) Pada masa-masa yang diarahkan oleh Yang Dipertua segala barang yang mudah alih hendaklah diubahkan daripada premis berlesen itu, dinding-dinding, lantai-lantai, siling-siling dan bumbung-bumbungnya hendaklah disapu dan semua kotoran dan sampah-sarap dibuang, dan seluruh premis itu dibersihkan sebersih-bersihnya, dicat atau disapu kapur dan semua pembaikan-pembaikan yang perlu hendaklah dibuat kepada premis itu.

(3) Semua makanan yang dimaksudkan untuk jualan hendaklah dijaga dalam keadaan bersih dan terlindung dengan berkesan daripada lalat, vermin, serangga, habuk, kotoran atau lain-lain bahan jirim atau benda lain yang merbahaya dan merosakkan.

(4) Semua alatan yang digunakan di premis itu hendaklah dijaga dalam keadaan bersih dan bebas dari sebarang kekotoran atau pencemaran.

(5) Tiada barang-barang bilik tidur atau pakaian boleh digantung atau disimpan di mana-mana bahagian pasar.

### **Syarat-syarat pengeluaran lesen-lesen pasar persendirian**

10. (1) Dalam hal pasar persendirian, Yang Dipertua boleh menetapkan—

- (a) bilangan maksimum gerai, tempat jualan atau lot yang boleh didirikan atau diperuntukkan di dalamnya;
- (b) kedudukan dalam lingkungan pasar persendirian itu, di mana gerai atau tempat jualan itu boleh didirikan atau ditandakan;
- (c) jenis makanan yang dimasak atau tidak dimasak, minuman atau barang-barang yang dijual atau yang hendak dijual di tiap-tiap bahagian atau sebahagian daripada pasar persendirian; dan



(d) lain-lain kehendak yang difikirkan perlu oleh Yang Dipertua.

(2) Yang Dipertua boleh mengeluarkan lesen-lesen untuk pasar-pasar persendirian mengikut syarat-syarat yang difikirkan patut olehnya.

### **Lesen gerai dikehendaki di pasar awam**

11. (1) Tidak sesiapa pun boleh menjual atau mendedahkan atau menyimpan untuk jualan binatang-binatang atau daging, ikan, ayam, itik, buah-buahan, sayur-sayuran, barang-barang makanan yang mudah busuk yang dimaksudkan bagi makanan manusia, atau apa-apa pakaian, barang dagangan atau barang-barang lain di dalam mana-mana pasar awam kecuali di gerai atau tempat jualan yang berkenaan yang mana ia telah diberi lesen oleh Yang Dipertua.

(2) Yang Dipertua hendaklah menyenggara satu data berdaftar yang mengandungi butir-butir berkenaan dengan semua pemegang gerai.

### **Mempamerkan lesen**

12. Seseorang pemegang lesen -

(1) bagi sesebuah pasar persendirian hendaklah sepanjang masa mempamerkan lesennya di bahagian yang mudah dilihat di dalam pasar persendirian itu;

(2) bagi sesebuah pasar awam hendaklah sepanjang masa mempamerkan lesennya di bahagian yang mudah dilihat digerainya; dan

(3) bagi sesebuah tempat jualan di dalam sesebuah pasar awam hendaklah menyimpan lesennya sendiri di sesuatu tempat yang membolehkannya menunjukkan lesen itu apabila diminta.

### **Pemegang gerai hendaklah hadir**

13. (1) Seseorang pemegang gerai di dalam mana-mana pasar awam hendaklah sepanjang masa hadir dan menguruskan atau mengawaskan jualan-jualan di gerai atau di tempat jualannya melainkan ia tidak berupaya berbuat demikian atas sebab-sebab yang munasabah.

(2) Seseorang pemegang gerai di dalam mana-mana pasar awam boleh, dengan kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua, menggaji seorang pembantu yang diberi kuasa oleh pemegang gerai yang mana nama dan gambarnya hendaklah dilekatkan pada kad lesen itu dibahagian bawah nama dan gambar pemegang lesen. Pemegang gerai itu hendaklah bertanggungjawab diatas tindak tanduk pembantunya dan hendaklah hadir sendiri digerai atau petak itu pada masa yang ditetapkan Yang Dipertua.

### **Pelantikan penama**

(3) Jika seseorang pemegang gerai di dalam mana-mana pasar awam hendak meninggalkan gerai atau tapaknya untuk selama tempoh tiga puluh (30) hari, dia hendaklah melantik seorang penama yang menggantikan tempatnya dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Yang Dipertua.

(4) Yang Dipertua tidak boleh, melainkan dalam keadaan yang difikirkan perlu, memberi kelulusan di bawah peruntukan-peruntukan perenggan (3) undang-undang kecil ini bagi tempoh melebihi tiga bulan.

(5) Bayaran sebanyak RM20.00 hendaklah kena dibayar oleh pemegang gerai bagi melantik seorang penama.

(6) Tiada pemegang gerai di mana-mana pasar awam boleh menyerah hak, memajakkan, menyewakan atau menyewa kecil gerainya.

### **Peraturan bagi tempat menjual**

14. Yang Dipertua dalam hal sesebuah pasar awam, dan pemegang lesen sesebuah pasar persendirian dalam hal pasar persendirian, boleh membahagikan bahagian-bahagian yang berlainan di pasar awam atau pasar

persendirian mengikut mana yang berkenaan untuk jualan berlainan jenis makanan yang bermasak atau tidak bermasak, minuman, benda atau barang-barang dan tiada seorang pun boleh mendedahkan untuk jualan atau menjual apa-apa makanan, minuman, benda atau barang-barang selain daripada di bahagian yang telah ditetapkan untuk jualan barang-barang tersebut.

### **Waktu pasar awam**

15. Pasar-pasar awam hendaklah dibuka mengikut waktu yang diarahkan oleh Yang Dipertua, dan melainkan dengan kebenaran khas Yang Dipertua tiada sesiapa pun boleh berada di pasar awam sewaktu pasar itu ditutup.

### **Pembaziran air dan larang penggunaan air dari tandas**

16. (1) Apabila sesuatu bekalan air awam disediakan di mana-mana pasar awam, maka tiada sesiapa pun boleh membazirkan air dan semua orang hendaklah mematuhi arahan-arahan seperti mana yang diberi oleh Yang Dipertua atau sesiapa yang diberi kuasa olehnya.

(2) Tiada pemegang gerai atau sesiapa yang berkaitan dengan jualan makanan atau minuman boleh menyediakan untuk minuman atau menggunakan untuk memasak atau membasuh lain-lain kegunaan bersangkutan dengan trednya apa-apa air dari mana-mana pili air atau sumber lain di dalam sesebuah kemudahan atau tandas awam atau persendirian.

### **Mempamerkan tanda harga**

17. (1) Setiap pemegang gerai hendaklah mempamerkan dengan jelas di gerainya tanda-tanda harga bagi tiap-tiap barang yang didedahkan untuk jualan.

(2) Setiap pemegang gerai hendaklah menjual barang-barang itu mengikut harga yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan, harga yang di nyatakan pada papan tanda harga itu.

### **Mengembungkan daging**

18. Tiada seseorang boleh menyuntik air atau cecair lain ke dalam sebarang daging yang dimaksudkan untuk dijual atau mengembungkannya

dengan angin dan tiada sesiapa pun boleh menjual atau menawarkan atau mendedahkan untuk dijual atau menyebabkan ditawarkan atau didedahkan apa-apa daging yang telah digembungkan dengan udara atau ke dalamnya air atau lain-lain cecair telah disuntik.

**Hanya daging yang disembelih dirumah sembelih yang berlesen sahaja boleh dijual**

19. Tiada sesiapa pun boleh menjual atau mendedahkan untuk dijual atau menyebabkan dijual, ditawarkan atau didedahkan untuk jualan mana-mana bahagian dari apa-apa binatang yang disembelih di mana-mana tempat selain daripada sebuah rumah sembelih awam atau rumah sembelih berlesen, dengan syarat dalam hal rusa atau lain-lain binatang liar, undang-undang kecil ini tidak dipakai.

**Jualan makanan yang tidak berkhasiat dilarang**

20. (1) Tiada siapa pun boleh mendedahkan untuk jualan atau menjual di dalam sesebuah pasar apa-apa barang makanan atau minuman yang tidak segar untuk makanan manusia.

(2) Pegawai Kesihatan atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua boleh menyiasat, memeriksa, mensita atau meneliti mana-mana binatang yang berpenyakit, burung, daging, ikan atau buah-buahan, sayur-sayuran atau lain-lain benda makanan atau minuman yang tidak sihat atau apa-apa yang tidak segar untuk makanan manusia dengan syarat jika dengan pendapat Pegawai Kesihatan bahawa benda yang disita itu patut dimusnahkan maka benda tersebut hendaklah dimusnahkan dengan serta merta.

**Tanggungjawab pemegang lesen atau pemegang pajakan**

21. Pemegang lesen atau pemegang pajakan terhadap mana-mana pasar awam atau persendirian, hendaklah menggaji dengan mengambil sebilangan orang secukupnya untuk membasuh dan menjaga kebersihan pasar itu dengan memuaskan hati Yang Dipertua, dan hendaklah bertanggungjawab terhadap semua kerosakan kepada atau kehilangan apa-apa harta benda Majlis di pasar itu.

### **Sekitar gerai hendaklah dijaga kebersihannya**

22. (1) Penghuni tiap-tiap gerai bagi sesuatu pasar hendaklah menjaga gerainya atau petaknya atau menjaga apa-apa lebu, persiaran atau lorong laluan atau ruang dihadapan, dibelakang atau ditepi petaknya atau disekitarnya supaya berada dalam keadaan bersih dan teratur dan memuaskan hati Yang Dipertua.

(2) Pada satu hari dalam seminggu seperti yang ditetapkan oleh Yang Dipertua, pemegang gerai hendaklah membersihkan gerai atau tempat jualan mereka itu sebersih-bersihnya.

### **Pembersihan gerai daging dan ikan setiap hari**

23. Setiap penjual ikan atau daging hendaklah membasuh dan membersihkan gerai, blok gerai, papan gerai dan semua alat perkakasnya dan alatan-alatan yang berkenaan dengannya sebersih-bersihnya sekurang-kurangnya sekali sehari, dan hendaklah menjaganya dalam keadaan bersih dan cuci.

### **Kebersihan pasar dan gerai-gerai**

24. Setiap pemegang gerai di dalam sesebuah pasar awam atau pasar persendirian hendaklah menjaga bangsal, gerai, kandang atau tempatnya dan kawasan sekitarnya dalam keadaan bersih dan suci.

### **Alatan dan makanan hendaklah dijaga**

25. Pemegang gerai hendaklah-

(1) Menjaga semua makanan, sama ada yang bermasak atau tidak bermasak, dalam keadaan bersih dan suci supaya tidak bersentuh dengan mana-mana lalat, vermin, serangga-serangga, kotoran, habuk atau lain-lain bahan, jirim atau benda yang membahayakan;

(2) Membungkus semua makanan untuk pelanggan-pelanggan dengan bahan atau benda lain yang bersih dan tidak tercemar dalam apa-apa cara pun;

(3) Menjaga semua perkakas dan alat-alat yang digunakan berhubung dengan perniagaannya supaya bersih dan bebas dari apa-apa pencemaran;

(4) Menyenggara diri dan pakaiannya dalam keadaan bersih;

(5) Mengecat gerainya seberapa kerap yang diarahkan berbuat demikian oleh Yang Dipertua; dan

(6) Mematuhi lain-lain arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Yang Dipertua.

#### **Pembuangan sampah sarap**

26. (1) Setiap pemegang gerai hendaklah menyediakan dan menyenggara dalam keadaan baik berkenaan suatu bilangan yang secukupnya, tong sampah bertutup daripada bentuk dan bahan yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

(2) Tiada pemegang gerai atau lain-lain orang boleh melonggok atau menyebabkan dilonggokkan apa-apa sisa makanan, buangan, sampah-sarap, atau lain-lain jirim atau benda yang dibuang olehnya di mana-mana tempat selain dari dalam tong sampah tersebut.

(3) Semua sampah-sarap yang busuk atau pejal hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik atau lain-lain bekas yang ringan sebagaimana yang diluluskan oleh Yang Dipertua, sebelum dilonggokkan ke dalam tong sampah.

(4) Setiap pemegang gerai hendaklah memastikan semua sampah-sarap yang terkumpul semasa menjalankan perniagaannya dimasukkan dari masa ke semasa ke dalam tong sampah awam yang disediakan bagi tujuan itu.

(5) Tiada pemegang gerai boleh menyebabkan atau membenarkan di longgokkan, ditumpah, ditabur atau dibuang apa-apa darah, air masin, cecair

buangan atau lain-lain jirim yang mengganggu ke dalam mana-mana longkang atau atas mana-mana lantai pasar melainkan di tempat-tempat yang ditetapkan untuk tujuan itu oleh Yang Dipertua.

(6) Tuan punya gerai tidak boleh-

- (a) meletak atau membuang atau menyebabkan atau membenarkan dibuang apa-apa habuk, kotoran, kertas, abu, bangkai, sampah, kotak, tong, benda atau barang-barang lain ke dalam sesuatu longkang, laluan pejalan kaki atau jalan raya di hadapan, di belakang atau di sebelahnya;
- (b) menyimpan atau meninggalkan apa-apa benda atau barang di mana-mana tempat yang ia boleh masuk atau mungkin masuk ke dalam mana-mana longkang, laluan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelahnya;
- (c) menjemur kepada sinaran matahari, apa-apa benda makanan atau barang atau benda lain di mana-mana longkang, laluan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;
- (d) membuang, meletak, menumpah atau menabur apa-apa darah, air masin, buangan cecair, cecair berbahaya atau benda lain yang busuk atau kotor daripada apa-apa jenis dengan sesuatu cara supaya ia mengalir atau masuk ke dalam longkang, laluan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang, atau di sebelah gerainya;
- (e) menjatuhkan, menumpah atau menabur apa-apa kotoran, pasir, tanah, kelikir, batu, rumput, jerami, abu, sampah tred, sampah atau apa-apa barang atau benda lain ke

dalam longkang, laluan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;

- (f) mengayak, menggoncang, mencuci, memukul atau dengan cara lain mengacau apa-apa kapur, abu, pasir, batu arang, rambut, kertas buangan, bulu atau benda lain dengan sesuatu cara supaya ia diterbangkan atau mungkin diterbangkan oleh angin ke dalam longkang, laluan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya; atau
- (g) membuang atau meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin bekas makanan, pembungkus makanan, cebisan makanan atau apa-apa benda atau barang lain ke dalam longkang, laluan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya.

(7) Sekiranya, terdapat apa-apa pelanggaran terhadap peruntukan undang-undang kecil ini, di tunjukkan bahawa apa-apa sampah sarap, kotoran atau bahan atau benda lain yang tidak diletakkan dalam tong sampah tetapi di dalam mana-mana laluan, longkang, laman atau tempat lain di hadapan, di belakang atau di tepi gerai atau petak, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa ia telah diletakkan di dalamnya atau di atasnya oleh, atau dengan kebenaran, tuan punya gerai atau petak yang terletak terdekat sekali dengan sampah sarap, kotoran atau bahan atau benda lain itu, Maka Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberikuasa olehnya boleh mengkompaun kesalahan yang disebutkan di atas tidak lebih daripada lima ratus ringgit.

(8) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh mengarahkan mana-mana gerai atau tempat jualan yang didapati kotor atau tidak bersih, ditutup serta merta sehingga gerai atau tempat jualan itu dibersihkan sehingga memuaskan hati Yang Dipertua.



## **Halangan**

27. Tiada pemegang gerai di mana-mana pasar boleh –
- (1) meletak, mendirikan atau menempatkan gerai atau tempat jualan melebihi had yang diperuntukkan kepadanya, dan tiada kajang atau penutup boleh merentang melebihi 30 sentimeter daripada gerai atau tempat jualan itu;
  - (2) menyebabkan atau membenarkan mana-mana barang, barang-barang dagangan atau lain-lain benda, perkakas atau benda-benda yang berkaitan dengan perniagaannya dilonggok, dipamer atau didedahkan untuk jualan di mana-mana anak tangga, lorong, laluan atau jalan lalu lalang pasar itu, atau di atas atau merentasi mana-mana longkang atau sebahagian daripada dalam pasar itu;
  - (3) menyebabkan atau membenarkan barang-barang dagangan, barang-barang atau lain-lain benda, perkakas atau benda yang berkaitan dengan perniagaannya menganjur keluar dari had gerai atau tempat jualan yang diperuntukkan kepadanya;
  - (4) menyebabkan apa-apa halangan di mana-mana pasar atau di mana-mana jalan, lorong atau jalan masuk ke mana-mana pasar dengan kenderaan, barang-barang, peti, bakul, kereta sorong atau benda-benda lain;
  - (5) mendirikan apa-apa peti, rak, loteng atau struktur-struktur lain di atas gerai atau tempat jualannya setinggi melebihi 24 meter daripada paras tanah atau melonggokkan atau menimbunkan barang-barang, peti-peti, bakul-bakul, bungkusan-bungkusan atau benda-benda lain di atas gerai atau tempat jualan melebihi tinggi tersebut.

## **Halangan di longkang dan lorong**

28. Tiada sesiapa pun boleh mempamerkan apa-apa benda untuk jualan di lorong-lorong atau atas mana-mana longkang di dalam sesebuah pasar, dan

tiada papan, peti, bakul atau lain-lain benda boleh ditinggalkan di dalam, di atas atau merintasi mana-mana longkang atau lorong itu.

### **Pelindung panas dan pindaan**

29. Tiada siapa pun boleh mendirikan apa-apa pelindung panas, tirai atau sekatan atau membuat apa-apa pindaan atau tambahan kepada mana-mana gerai tanpa kebenaran bertulis dari Yang Dipertua.

### **Penggunaan kereta beroda besi dilarang**

30. Tiada sesiapa pun boleh menggunakan sebarang kereta sorong atau kereta sorong beroda besi untuk tujuan mengangkut barang di dalam mana-mana pasar awam.

### **Kemasukan kenderaan**

31. Tiada sesiapa pun boleh memandu apa-apa kenderaan bermotor atau membawa mana-mana basikal atau mana-mana kenderaan lain masuk ke dalam mana-mana pasar awam kecuali dibenarkan secara bertulis oleh Yang Dipertua.

### **Kuasa menahan dan mengalih kenderaan**

32. (1) Mana-mana kenderaan yang dibawa masuk ke kawasan-kawasan pasar tanpa kebenaran bertulis daripada Datuk Bandar/ Yang dipertua atau tidak meletakkan kenderaan di tempat letak kenderaan sekiranya ada disediakan dalam kawasan pasar adalah melakukan kesalahan dan kenderaan tersebut boleh dialihkan dan ditahan disuatu tempat yang selamat atas risiko pemunya, Yang Dipertua boleh melepaskan kenderaan tersebut selepas segala kos dibayar oleh pemunya.

(2) Dalam menjelaskan kos di bawah Perenggan (1) di atas, kos yang perlu dibayar oleh pemunya adalah kos yang sebenar yang telah ditanggung oleh Majlis semasa penahanan dan pengalihan kenderaan.

### **Kacauganggu**

33. Tiada sesiapa pun boleh di dalam sesebuah pasar –  
(a) membuat kacauganggu;

- (b) meludah atas lantai; gerai atau mana-mana bahagian pasar itu;
- (c) membuang apa-apa sayur-sayuran, najis binatang, sisa binatang, kotoran atau jirim-jirim atau benda-benda lain yang mengganggu ke atas mana-mana gerai, lorong, laluan, anak tangga atau mana-mana bahagian pasar itu, kecuali ke dalam sesuatu bekas atau tong sampah;
- (d) memelihara anjing atau lain-lain binatang atau membawa masuk ke dalam sesuatu pasar seekor anjing atau lain-lain binatang dengan lehernya yang berikat atau sebaliknya atau sengaja membenarkan seekor anjing atau lain-lain binatang mengikutnya masuk ke dalam sesebuah pasar.

### **Mengemis**

34. Tiada sesiapa pun boleh di dalam sesebuah pasar mengemis atau meminta sedekah atau menunjuk atau mendedahkan sebarang kudis, luka, penyakit tubuh badan atau kecacatan tubuh badan. Pegawai Majlis daerah simpang renggam hendaklah mengusir orang-orang sedemikian daripada pasar-pasar dan tiada sesiapa yang berpenyakit seperti itu boleh melibatkan diri atau membantu apa-apa perniagaan di dalamnya.

### **Orang yang berpenyakit**

35. Tiada sesiapa pun yang secara sedar menghidap penyakit berjangkit atau menular atau membawa jangkitan dari apa-apa penyakit boleh melibatkan diri dalam penjualan makanan di dalam mana-mana pasar dan sesiapa yang terlibat sedemikian hendaklah jika dikehendaki berbuat demikian oleh Pegawai Kesihatan, mengemukakan kepadanya suatu pemeriksaan perubatan.

### **Gangguan alat-alat elektrik dan air**

36. Tiada sesiapa pun boleh mengusik atau mengganggu apa-apa alat elektrik atau air di mana-mana pasar awam.

### **Kuasa memeriksa**

37. Tiada sesiapa pun boleh menghalang mana-mana pegawai Majlis yang telah diberi kuasa daripada memasuki atau memeriksa mana-mana bahagian daripada mana-mana pasar pada bila-bila masa.

### **Kuasa untuk menutup dan mengusir orang yang melanggar peraturan dan menamatkan pajakan**

38. Yang Dipertua boleh mengusir atau menyebabkan diusir dari mana-mana pasar awam sesiapa atau orang-orang gajinya yang sabit dengan apa-apa kesalahan atau tidak mematuhi mana-mana Undang-undang Kecil berkaitan dengan pasar, dan boleh mencegah orang itu sendiri atau orang gajinya daripada terus menjalankan apa-apa tred atau perniagaan di dalam pasar itu atau menduduki mana-mana gerai, kedai atau tempat-tempat lain di dalamnya, dan boleh menamatkan apa-apa sewa, pajak atau pegangan yang dimiliki oleh orang berkenaan itu di pasar itu atau mana-mana kedai atau lain-lain tempat.

### **Kuasa menyita**

39. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua, boleh merampas dan menyita apa-apa jualan beserta dengan bekasnya dan apa-apa alat yang menyertainya dan juga gerai atau kereta kepunyaan orang yang tidak dilesen untuk bertindak sebagai pemegang gerai di bawah Undang-undang Kecil ini atau pemegang gerai yang berlesen tetapi menjual di tempat yang dilarang atau tempat yang bukan dilesenkan dan boleh dipindahkan ke mana-mana tempat dan ditahan di situ atas risiko pemunya selama tempoh tiga (3) bulan dari tarikh barang itu disita.

### **Tuntutan ke atas barang-barang tidak tahan lama yang disita**

40. (1) Apa-apa barang tidak tahan lama yang disita dan dipindahkan di bawah undang-undang kecil 38, barang ini boleh dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua pada bila-bila masa dan pemunya tidak berhak membuat apa-apa tuntutan ke atasnya.

(2) Sekiranya seseorang itu menuntut barang tidak tahan lama, orang itu dikehendaki membuat bayaran yang ditetapkan dalam Jadual III.

### **Tuntutan ke atas barang-barang tahan lama yang disita**

41. Seseorang yang ada apa-apa tuntutan ke atas mana-mana barang tahan lama yang telah dipindahkan dan ditahan di bawah undang-undang kecil 39, boleh menuntut barang-barang itu daripada Yang Dipertua dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh barang-barang itu disita tertakluk kepada pembayaran yang ditetapkan dalam Jadual III:

Dengan syarat bahawa jika sekiranya tiada apa-apa tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang yang telah dipindahkan dan ditahan itu dalam tempoh tujuh (7) hari yang dinyatakan itu, Yang Dipertua boleh melupuskan barang-barang itu tujuh (7) hari selepas tempoh tahanan sebagaimana yang dinyatakan di dalam undang-undang kecil 39 mengikut cara yang difikirkan patut oleh Yang Dipertua.

### **Pemasangan alat-alat elektrik dan sambungan**

42. Tiada alat-alat atau sambungan elektrik boleh dipasang atau disambung oleh pemegang gerai di dalam sesebuah pasar awam tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua. Pemegang gerai berkenaan hendaklah menanggung semua kos dan perbelanjaan penyambungan, pendawaian atau pemasangan.

### **Fee lesen**

43. Fee yang kena dibayar bagi sesuatu lesen di dalam sesuatu pasar awam atau sesuatu gerai atau tempat jualan adalah seperti ditetapkan dalam Jadual I dan II.

### **Pertukaran tempat jualan**

44. Di dalam keadaan di mana Yang Dipertua membenarkan mana-mana pertukaran sesuatu tempat jualan di dalam sesebuah pasar awam fee yang kena dibayar ialah RM30.

### **Larangan penjualan borong**

45. Penjualan barang-barang basah secara borong iaitu ayam, ikan, daging dan sayur-sayuran hanya boleh dilakukan di Pasar Borong yang

disediakan oleh Majlis kecuali Pasar Borong tidak disediakan oleh pihak Majlis, penjualan secara borong boleh dilakukan di mana-mana tempat yang diluluskan oleh Majlis.

### **Pemansuhan**

46. (1) Tertakluk kepada perenggan (2) apabila Undang-undang Kecil ini mula berkuatkuasa, Undang-undang Kecil Pasar (Majlis Daerah Kluang Selatan) 1982 yang telah diwartakan melalui J.P.U 103 tahun 1982 (selepas ini disebut Undang-undang Kecil termansuh) hendaklah terhenti berkuatkuasa dan hendaklah disifatkan telah dimansuhkan.

(2) Walau apapun perenggan (1) –

- (a) tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-undang Kecil ini boleh menghalang mana-mana orang daripada didakwa atau dihukum di bawah Undang-undang Kecil termansuh sebelum mula berkuat kuasanya Undang-undang Kecil ini;
- (b) apa-apa prosiding di bawah Undang-undang Kecil termansuh yang belum diputuskan sebelum mula berkuat kuasa Undang-undang Kecil ini hendaklah diterangkan di bawah undang-undang kecil termansuh seolah-olah Undang-undang Kecil ini tidak dibuat;
- (c) apa-apa lesen yang telah dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil termansuh hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa sehingga tamat tempoh baginya ia telah diberikan tetapi ia hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini dan mana-mana peraturan dan boleh dibatalkan di bawah dan mengikut Undang-undang Kecil ini; dan
- (d) apa-apa perlantikan atau penguatkuasaan yang dibuat di bawah undang-undang kecil termansuh hendaklah berkuat

kuasa dan mempunyai kuat kuasa seolah-olah ia telah dibuat di bawah Undang-undang Kecil ini, sehinggalah perlantikan atau penguatkuasaan itu dibatalkan atau disatukan di bawah Undang-undang Kecil ini.

## JADUAL I

*[Undang-undang Kecil 4(3)]*

(a) PASAR / GERAI :	FEE LESEN SEBULAN	
	Minimum	Maksimum
	RM	RM
1. Sayur-sayuran	30.00	150.00
2. Sayur Kering	30.00	150.00
3. Buah-buahan	30.00	150.00
4. Telur	30.00	150.00
5. Tauhu	30.00	150.00
6. Ikan	50.00	180.00
7. Ternakan	50.00	180.00
8. Babi	100.00	300.00
9. Babi Panggang	50.00	150.00
10. Daging Lembu	50.00	180.00
11. Daging Kambing	50.00	180.00
12. Air Batu	40.00	150.00
13. Barang-barang kering	50.00	180.00
14. Bihun/Vermicelli	30.00	150.00
15. Kelapa	30.00	150.00
16. Ketam dan Kerang	10.00	150.00
17. Makanan masak	60.00	180.00
18. Kuih	30.00	150.00
19. Kopi Serbuk	30.00	150.00
20. Ayam/Itik	50.00	150.00
21. Bilik Sejuk	40.00	150.00
22. Rempah-rempah	30.00	150.00

23.	Sayur bergaram/jeruk	30.00	150.00
24.	Pecah Ais	30.00	150.00
25.	Barang-barang runcit	40.00	180.00

JADUAL II

*[Undang-undang Kecil 4(4)]*

		<b>FEE LESEN SETAHUN</b>	
<b>(a) PASAR PERSENDIRIAN :</b>		<b>Minimum</b>	<b>Maksimum</b>
		<b>RM</b>	<b>RM</b>
1.	Keluasan kawasan 70 meter persegi dan kurang	100.00	200.00
2.	Keluasan kawasan melebihi 70 meter persegi	200.00	1000.00
<b>(b) PASAR MINI, PASAR RAYA DAN PASAR HIPER :</b>			
1.	Keluasan kawasan 150 meter persegi dan kurang	1,000.00	2,000.00
2.	Keluasan kawasan melebihi 150 meter persegi sehingga 450 meter persegi	2,000.00	3,000.00
3.	Keluasan melebihi 450 meter persegi	3,000.00	5,000.00



### JADUAL III

*(Undang-undang Kecil 40 dan 41)*

	<b>Pasar / Gerai</b>	<b>Fee Sehari (Maksimum) RM</b>
1	Memindah gerai atau barang-barang	50.00
2	Bayaran menyimpan gerai atau barang-barang	50.00
3	Memindahkan kenderaan	500.00

Bertarikh pada : 30 Jun 2011

[ MDSR/UNDG/01(A)(XVI).Jld.1]

**HAJI ABDUL KARIM BIN ABU BAKAR**

*Yang Dipertua*

*Majlis Daerah Simpang Renggam*

Disahkan pada :

[ K.T.24/69 Jld. 9; PUNJ. Bil.(PU2)7Jld.3(54)]

**HAJI MOHD HALIM BIN HASBULLAH**

*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan*

*Johor*